

PELABURAN SAHAM: PENGENALAN ASAS

Mustafa Kamal Mat & Saflina Azis

Pelaburan saham merupakan salah satu cabang perniagaan. Dengan pelaburan, ia boleh mendatangkan pulangan yang lumayan. Daripada sisi lain, pelaburan saham juga boleh mengakibatkan kerugian. Sama seperti perniagaan, ada ketika untung, ada juga waktunya rugi melanda. Oleh itu, untuk menjadi seorang pelabur, perlulah ada ilmu. Ilmu pelaburan penting untuk mengelak daripada terpedaya dengan janji pulangan yang lumayan.

Terdapat banyak impak negatif jika seseorang individu melaburkan duit mereka tanpa sebarang ilmu asas pelaburan. Begitulah pentingnya ilmu pengetahuan sebelum melakukan sesuatu pekerjaan ataupun perkara. Hal ini turut menjadi asas dalam agama Islam iaitu hendaklah melakukan sesuatu perbuatan itu dengan ilmu.

4.04	-1.94	8,337,2
6.05	-1.63	1,201,5
0.91	0.00	1,677,2
1.47	+3.52	20,689,7
30	0.00	100
3.5	+1.16	252,500
0	0.00	0
1.57	0.00	5,348,40
3.06	0.00	1,286,10

Pasaran saham ialah satu wadah yang membolehkan umat Islam menyalurkan dana bagi melaksanakan kegiatan ekonomi. Ia adalah tempat atau kemudahan yang disediakan oleh sebuah organisasi untuk membeli dan menjual saham.

Individu patut ambil endah tentang keperluan ilmu sebelum membuat pelaburan saham. Sama ada ilmu diperolehi secara berbayar atau tidak, ia tetap penting. Sekiranya ada insan yang sudi berkongsi ilmu asas secara percuma, rebutlah peluang ini. Tidak semua ilmu pelaburan saham secara berbayar, pekongsinya ikhlas nak membantu. Paling mudah, carilah ilmu

percuma dahulu di beberapa laman sesawang agensi berkaitan. Contoh laman sesawang adalah seperti www.sidc.com.my, www.bursamarketplace.com, dan www.fimm.com.my yang boleh dirujuk untuk mendapatkan maklumat penting sebelum melabur.

Di samping itu, ada laman sesawang di atas yang menyediakan platform permainan pelaburan (*investment game*). Platform ini digunakan untuk menguji ilmu yang telah dipelajari bagi mengetahui tahap kefahaman seseorang. Sekiranya melalui permainan ini individu tersebut sering mengalami kerugian, belajar lah lagi. Namun selepas beberapa kali mencuba dan tetap rugi juga, maka carilah pelaburan lain yang lebih rendah risiko. Anda mungkin belum cukup sesuai menceburi bidang ini, maka terimalah hakikatnya.

Penghujungnya, duit hasil kerja keras anda perlu dibelanjakan dengan baik dan berhemah. Janganlah melabur tanpa ilmu. Ia umpama meletakkan pelaburan saham itu seperti tempat perjudian yang diluluskan. Penat lelah pakar Majlis Penasihat Syariah (MPS) Suruhanjaya Sekuriti perlulah dihargai sebaiknya.

